

Kenaikan gaji bantu ekonomi negara

UM-23/5/2007

PUTRAJAYA 22 Mei - Kenaikan terbaik gaji kakitangan awam yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, akan menyumbang 0.5 peratus kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini dan tambahan sekurang-kurangnya setengah peratus lagi pada 2008. Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata di sini hari ini.

"Pengiraan awal kita menunjukkan bahawa untuk tahun ini sahaja kesannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah sehingga 0.5 mata peratusan lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan yang dicatat sekiranya tiada kenaikan gaji. Tahun depan kadar pertumbuhan akan meningkat sekurang-kurangnya separuh mata peratusan lagi," katanya.

Bagaimanapun, katanya, keadaan ini tidak semestinya bermaksud bahawa ekonomi tumbuh melebihi kadar enam peratus yang dijangkakan untuk 2007.

"Kebiasaannya kita tidak mengubah unjuran sehinggalah bulan September," katanya.

Beliau berkata, kenaikan gaji itu memberikan kesan positif kepada ekonomi memandangkan langkah itu bukan sahaja akan memanfaatkan 1.002 juta kakitangan awam malahan disebaliknya lima juta rakyat lain sebagai tanggungan.

"Berdasarkan pengalaman lepas, kakitangan awam akan membelanjakan setiap ringgit yang diberikan. Ini akan mendorong kepada pertumbuhan berasaskan penggunaan dan kesan sampingan lainnya ialah mendorong kepada kewujudan banyak perniagaan dan peningkatan cukai," katanya di satu taklimat khas untuk agensi-agensi ber-

ta bagi menjelaskan kenaikan antara 7.5-35 peratus gaji kakitangan awam.

Walaupun kuasa membeli meningkat, beliau berkata, inflasi dijangka kekal pada unjuran 2.5 peratus. Beliau berkata, inflasi akan hanya berlaku bila ada kekangan kapasiti dan ia tidak berlaku sekarang.

Beliau juga berkata, kerajaan tidak akan meminjam dari pasaran bagi menampung pembiayaan RM8.09 bilion kos tambahan diperlukan untuk kenaikan gaji dan 100 peratus kenaikan kepada Bantuan Sara Hidup kerana ia memiliki dana yang mencukupi.

Ini kerana lebih operasi Kerajaan Persekutuan tahun ini akan melepasi nilai RM21.8 bilion yang diunjurkan dan ia adalah lebih daripada mencukupi bagi menampung kenaikan gaji itu, katanya.

Nor Mohamed berkata, pengurusan bajet secara lebih berhemat dan cekap sejak 2005 membolehkan kerajaan memberi ganjaran ke-

pada kakitangan awam yang semakin produktif dan bekerja keras sejak kebelakangan ini.

Peningkatan gaji itu juga membantu mengekalkan kakitangan awam yang berkhidmat dengan baik.

"Kita merasakan mampu melakukannya sekarang. Kita berjaya mengurangkan defisit bajet secara progresif daripada 5.7 peratus pada tahun 2000 kepada 3.5 peratus tahun lepas.

"Kami menyasarkan untuk menurunkan bajet defisit kepada tahap mampan pada 3.4 peratus tahun ini dan selebihnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (sehingga tahun 2010)."

Ini akan memberikan tindak balas positif kepada penarafan kredit Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan mungkin mencatatkan hasil pendapatan lebih tinggi daripada RM134.8 bilion yang dijangkakan untuk tahun 2007 ekoran meningkatnya hasil mi-

nyak dan jangkaan dividen lebih tinggi yang diterima dari Petronas dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), dengan kesemuanya dijangka akan melaporkan pendapatan lebih tinggi.

Ditanya pandangannya tentang harga minyak yang kini meningkat ke paras AS\$70 setong, beliau berkata, sekiranya harga minyak terus meningkat, Malaysia akan menerima kesan positif pada pusingan pertama berikutan hasil minyak yang meningkat.

"Tapi peningkatan harga minyak yang berterusan akan menjejaskan ekonomi global, dan Malaysia sebagai negara perdagangan akan merasakan kesannya," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai kenaikan gaji yang akan disusuli potongan caj kadar faedah kad kredit, beliau berkata: "Ia merupakan sesuatu yang bank perlu lihat. Saya telah menemui pihak bank dan kami telah berbincang panjang lebar (tentang-nya)."

Kini, caj kadar faedah kad kredit ialah 18 peratus setahun.

Bernama difahamkan bahawa Nor Mohamed telah menemui ketua-ketua pegawai eksekutif bank tempatan dan asing di Perbendaharaan bulan lepas.

Tentang Proton, beliau berkata kerajaan memerlukan sedikit masa lagi untuk mencari rakan kongsi teknikal untuk pengeluar kereta nasional itu.

Ditanya sama ada kemungkinan Proton meneruskan operasinya tanpa rakan kongsi teknikal, beliau berkata: "Pada ketika ini, kita masih perlu mencari satu rakan kongsi untuk Proton," katanya.

Beliau juga berkata tiada usaha untuk menyelamatkan Proton, dan syarikat itu perlu mengambil beberapa langkah penyusunan semula dalam bentuk ekuiti dan rakan usaha sama.

- Bernama